



STRATEGI DAKWAH KEPADА MASYARAKAT INDIA¹

Oleh:

*Muhammad Fitri Abdullah
Pengarah Unit Dakwah
Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia*

Kertas kerja ini disediakan bagi membantu para pendakwahnya mengenali latar belakang keagamaan, kebudayaan dan kepercayaan masyarakat India di Malaysia. Perbincangan di dalam kertas kerja ini di fokuskan kepada masyarakat India yang menganut agama Hindu supaya para pendakwah dapat mengaplikasikan teknik dakwah yang khusus dan berkesan.

PERINGATAN!

Semasa kertas kerja ini disiapkan (Disember 2006), masih wujud prasangka yang negatif di kalangan masyarakat India di Malaysia terhadap agama Islam serta pengikutnya. Ini disebabkan oleh faktor propaganda yang dicanang oleh media barat secara berterusan untuk memberi gambaran buruk (Islamophobia) terhadap Islam yang mana telah berjaya mempengaruhi mindset masyarakat India. Tambahan pula, dua kes kematian yang melibatkan saudara baru India, pendaki Gunung Everest Allahyarham Muhammad Abdullah @ Moorthy dan Muhammad Rayappan telah dimanupulasi oleh akhbar-akhbar Tamil, MIC dan Malaysian Hindu Sangam untuk menanam rasa benci terhadap agama Islam dan sekaligus melupakan hasrat untuk memeluk agama Islam di kalangan masyarakat India.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Krisis Murtad, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor (PUMCS), Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM) dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah , 30 Mei 2009, bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam., Selangor Darul Ehsan



1.0 PENDAHULUAN

Migrasi masyarakat India ke Malaysia berlaku secara besar-besaran di awal abad ke 18. Sebahagian besar daripada mereka telah dibawa masuk oleh penjajah British untuk bekerja di sektor perladangan dan sebahagian lain pula bekerja sebagai buruh yang terlibat dalam pembinaan jalan raya dan jalan keretapi.

Dari jumlah penduduk Malaysia seramai 23.27 juta orang (2000), hampir 9% atau 2.0 juta orang terdiri daripada orang-orang India. 70% dari masyarakat India di Malaysia adalah berketurunan **Tamil**. Selebihnya terdiri daripada keturunan **Telegu, Malayalee, Punjabi, Bengali** dan **Ceylonese Tamil**. Hampir 80% daripada masyarakat India di Malaysia menganut agama Hindu.

2.0 PENGENALAN KEPADA AGAMA HINDU

Selama ini, kita mempunyai tanggapan yang salah terhadap agama Hindu. Masyarakat di Malaysia menganggap menyembah berhala dan menyambut hari kebesaran keagamaan adalah agama Hindu. Yang paling malang sekali, masyarakat Hindu itu sendiri telah salah faham terhadap agama mereka. Pada hakikatnya agama Hindu adalah antara agama yang terawal berbicara tentang tauhid (Eka Tuam).

Oleh kerana tidak ada dakwah dan penguatkuasaan, agama ini telah diubah mengikut citarasa dan keperluan samasa, di mana ia berubah dari masa ke semasa. Masyarakat Hindu tidak ada satu kitab yang boleh menjelaskan konsep tauhid kepada mereka kerana hampir kesemua kitab itu adalah dalam bahasa Sanskrit. Bahasa Sanskrit tidak mudah difahami kerana penggunaannya hampir pupus.

Perkataan Hindu tidak ada di dalam kitab-kitab agama Hindu yang awal. Agama Hindu pada mulanya dikenali dengan nama **Sanadhana Dharma** (agama yang kekal/lama).



Penganut Hindu hari ini percaya kepada banyak dewa dan dewi yang jumlahnya sehingga ke 330 juta.

Agama Hindu telah disusun semula ke dalam enam mazhab (sub sects) yang besar oleh Athi Sankara Chariya kira-kira dua ribu tahun dahulu yang mana setiap mazhab mempunyai dewanya tersendiri. Keenam-enam dewa ini pula dikatakan berasal dari *Brahman* (sumber) yang sama. Mazhab-mazhab tersebut adalah ***Sowram*** iaitu pemujaan matahari (tidak popular di Malaysia), ***Saivam*** bertuhankan *Siva* (majoriti menganut aliran ini), ***Kowmaram*** bertuhankan dewa *Subramaniam/Murugan*, ***Vaishnawam*** bertuhankan *Vishnu*, ***Ganapathiayam*** bertuhankan dewa *Ganapathy* (dewa kepala gajah) dan ***Saaktham*** bertuhankan *Sakthi* (tuhan wanita). Semua mazhab mempunyai pengikut masing-masing kecuali *Sowram*. Setiap mazhab mempunyai cara beribadah, pemujaan dan mantra tersendiri.

Selain daripada itu, terdapat ***Trimurthi*** atau rangkaian tiga tuhan iaitu ***Brahma***, ***Vishnu*** dan ***Siva***. Setiap tuhan mempunyai tugas masing-masing iaitu *Brahma* tuhan yang mencipta, *Vishnu* tuhan yang memberi perlindungan/mentadbir dan *Siva* tuhan yang menghancurkan.

Dinyatakan dalam kitab Hindu, *Chandogya Upanishad* (Chap 6 Sec 2 Verse 1) “**Ekam Evad Vityam**” yang bermaksud “**Dia hanya satu dan bukan dua**”. Dalam *Rig Veda*, Vol.6,45:16: disebut “**Tuhan hanya satu, Sembah Tuhan yang satu.**” Ini membuktikan kepercayaan atau ketuhanan Hindu yang pada hari ini adalah tidak tepat.

Konsep ketuhanan Hindu berdasarkan kepada penyembahan patung dan berhala yang mempunyai beberapa ciri tertentu. Ada tuhan disembah berupa manusia (seperti *Rama*, *Subramaniam*, *Krishna*, dll), haiwan (monyet, lembu, ular, dll) dan alam semula jadi (api, matahari, gunung-ganang, dll).

Shwetashvatara Upanishad 4:19 menyatakan “**Na tasya pratima asti**” yang bermaksud “**Tidak ada wajah atau rupa bagiNya**”. Manakala dalam kitab *Panniru*



Thirumurai/Thevaram yang lazim digunakan oleh masyarakat Hindu di Malaysia disebut “**karpanai kadantha jothi KARUNAI yeh uruvam aagi**” yang bermaksud “**Tuhan dalam bentuk Nur yang tidak dapat dibayang rupaNya, sifatNya berupa Maha Pengasih dan Maha Penyayang**”. Hakikat ini telah terlepas pandang oleh masyarakat India dan sepatutnya digunakan oleh PERKIM sebagai satu peluang atau modal untuk berdakwah kepada mereka.

Pada kepercayaan penganut Hindu, tuhan boleh menjelma menjadi manusia dan haiwan. Institusi ketuhanan Hindu sama seperti manusia, di mana mereka juga beristeri dan mempunyai anak.

Walau bagaimanapun dalam kita suci awal agama Hindu, *Shwetashvatara Upanishad* 6:9 menyatakan “**nacasya kascij janita na cadhipah**” yang bermakna “**Dia tidak dilahirkan atau tidak melahirkan**”. Kalau begitu dari mana pula Tuhan bapa dan Tuhan anak?

Manakala lembu pula merupakan binatang yang suci dalam agama Hindu dan diharamkan membunuhnya. Sebaliknya terdapat bukti di dalam kitab *Rig Veda* lembu pernah dikorbankan dan dipanggang dalam upacara keagamaan.

Matha, Pitha, Guru, Deva (Ibu, bapa, Guru dan Deva) pula merupakan konsep ibadah yang penting. Setiap masyarakat India menghormati kedua ibubapa mereka sehingga mereka menganggap ibubapa mereka sama seperti tuhan.

Kitab-kitab suci agama Hindu yang penting adalah seperti *Veda* (iaitu *Rig Veda*, *Yajur Veda*, *Soma Veda* dan *Atharva Veda*), *Upanishad*, *Mahabaratha*, *Bhagavadgita*, *Ramayana*, *Purana* dan *Tantarasa* serta kitab *Panniru Thirumurai dan Thevaram*.

Konsep ibadah dalam agama Hindu lebih kepada penyembahan berhala dan menyambut perayaan keagamaan seperti *Deepavali*, *Ponggal*, *Thaipusam* dll. Penganut Hindu percaya mereka akan dilahirkan semula setelah mereka mati. Walau bagaimanapun



mereka tidak semestinya dilahirkan semula sebagai manusia. Ramai juga yang percaya tentang adanya syurga dan neraka.

Institusi sosial dalam agama Hindu banyak dipengaruhi oleh **sistem kasta**. Pada asalnya hanya terdapat empat kasta iaitu *Brahmin*, *sudra*, *vyasa* dan *satria*. Kemudian sistem kasta ini berkembang sehingga melebihi dua ribu kasta. Ada kasta yang bersandarkan pekerjaan turun temurun. Biasanya seseorang itu tidak boleh menukar kastanya. Akibat dari sistem kasta yang mendiskriminasi, adalah sukar untuk melihat kesamaan dan persaudaraan dalam masyarakat Hindu. Di Malaysia system kasta ini masih wujud sehingga terheret ke kancah politik. Sebagai contoh mereka yang menjadi ahli MIC, majoritinya terdiri daripada masyarakat yang berkasta sederhana dan keatas. Manakala golongan kasta rendah kebanyakannya menjadi ahli parti IPF yang dipimpin oleh bekas Naib Presiden MIC, iaitu Datuk M.G. Pandithan.

Wanita tidak mempunyai sebarang hak asasi. Sebelum berkahwin dia patuh kepada ibubapanya dan setelah berumah tangga terpaksa akur kepada suaminya. (*Mahabharata* 3:231.) Seorang wanita tidak boleh berkahwin semula setelah kematian suaminya. Wanita juga tidak boleh mewarisi harta keluarganya ataupun harta suaminya. Lazimnya wanita Hindu lebih suka mati sebelum suaminya mati.

3.0 KEBUDAYAAN MASYARAKAT INDIA

Masyarakat India merupakan satu kelompok manusia yang amat kaya dengan kebudayaan dan tradisi. Hampir kesemua amalan masyarakat India mempunyai nilai-nilai serta maksud yang tersirat. Namun kebudayaan dan keagamaan sering tidak dapat dipisahkan. Antara amalan-amalan yang popular di kalangan masyarakat India adalah seperti menyambut kelahiran, upacara memberi nama, menindik telinga, mencucuk hidung, meletak tanda pada dahi dan mencapai baligh. Selain itu makanan, perkahwinan dan kematian di kalangan masyarakat India juga berbeza dari kebudayaan masyarakat yang lain di Malaysia.



Pakaian tradisional masyarakat India adalah seperti sari, veesthi, pakaian Punjabi, gurtha dll. Pemakaian baju dan seluar moden diterima secara luas.

Memakan makanan di atas daun pisang merupakan salah satu adat asas masyarakat India. Daun pisang digunakan atas sebab kesihatan dan kebersihan. Manakala makanan popular orang India adalah seperti tosai, capatti, idli, vade, puri dll. Ramai orang-orang India mengamalkan pemakanan sayur-sayuran (vegetarian) di atas faktor keagamaan.

Pokok pisang mempunyai nilai tradisi yang tinggi. Biasanya pokok pisang digunakan di dalam upacara perkahwinan, menyambut hari kelahiran dan menyambut hari-hari kebesaran keagamaan. Pokok pisang melambangkan kesinabungan atau persaudaraan dan kesejahteraan yang berkekalan.

Salah satu daripada tradisi orang India adalah *kolem* iaitu lukisan di atas lantai. Perkataan *kolem* dalam bahasa Tamil membawa maksud indah atau cantik. *Kolem* juga menggambarkan perasaan seseorang. *Kolem* dibuat dengan tepung beras atau beras yang dibancuh dengan warna.

Memecah buah kelapa di upacara keagamaan dan keramaian membawa maksud untuk menyelesaikan segala kebuntuan dan masalah. Di samping itu kelapa juga dipecahkan dengan diiringi doa supaya tuhan menghancurkan ketakaburan seseorang seperti mana kelapa itu berkecai, dan menyucikan hati mereka seperti isi kelapa yang putih.

Membunyikan loceng di kuil dan memainkan alat-alat muzik seperti *melam* (gendang) dan *nadaswara* adalah bertujuan untuk menarik perhatian pengikut Hindu terhadap tuhan mereka dan menjauahkan suara-suara yang sumbang dari didengar oleh tuhan.

Pottu atau meletak tanda bulat di dahi mempunyai fungsi sosial dan keagamaan. Tanda merah (*kum-kum*) adalah simbol Dewi Sakti, tanda kuning atau cendana membawa maksud Dewa Siva dan tanda hitam pula bertujuan menolak bala dan sihir. Tanda hitam juga melambangkan seseorang itu masih dara. Kini pelbagai warna digunakan untuk



menyesuaikan diri dengan suasana dan keadaan. Biasanya abu putih diletak di dahi melambangkan kesucian.

4.0 TANGGAPAN PENGANUT AGAMA HINDU TERHADAP AGAMA ISLAM

- i. Agama Islam adalah untuk mereka yang lahir di dalam keluarga Islam sebagaimana agama Hindu bagi mereka yang lahir dalam keluarga Hindu.
- ii. Agama Islam dan agama Hindu adalah dari tuhan yang sama. Oleh itu kedua-dua agama ini adalah benar.
- iii. Semua agama boleh diterima. Tidak salah seorang penganut Hindu mengamalkan ajaran agama lain termasuk Islam.
- iv. Akibat publisi negetif oleh media barat, Islam dilihat sebagai agama keganasan. Kebanyakkan Negara Islam terlibat dalam perang.
- v. Orang Islam menyembah Kaabah. Orang Islam dilihat tawaf, rukuk dan sujud di hadapan Kaabah. Kaabah adalah berhala orang Islam kerana di dalamnya didakwa terdapat patung tuhan Siva.
- vi. Masyarakat Islam lemah/pasif dan sentiasa perlu dibantu. DEB dan RMK9.
- vii. Seseorang yang memeluk agama Islam akan dipaksa oleh orang Islam untuk meninggalkan keluarga dan kebudayaan asalnya.
- viii. Satu kehinaan bagi keluarga apabila seseorang ahli keluarga memeluk agama Islam kerana dia tidak boleh menyertai upacara kematian keluarga Hindu.



- ix. Masuk Islam dilahat sebagai masuk Melayu. Pakai songkok dan baju Melayu serta bercakap dalam bahasa Melayu dan mengamalkan kebudayaan Melayu.
- x. Ajaran Islam menghina agama Hindu. Misalnya penyembelihan lembu secara besar-besaran. Lembu dianggap sebagai binatang yang suci.

5.0 KENAPA PERLU BERDAKWAH KEPADA MASYARAKAT HINDU

- i Untuk memperkenalkan Islam kepada orang-orang Hindu sebagai agama yang sempurna.
- ii. Untuk memberi gambaran yang baik tentang Islam supaya orang-orang Hindu bersikap positif terhadap Islam.
- iii. Untuk menyampaikan Islam dengan hikmah supaya tidak mendatangkan perasaan takut.
- iv. Supaya masyarakat Hindu kembali kepada ajaran asal agama mereka iaitu agama Tauhid.

6.0 PENDEKATAN DAKWAH KEPADA MASYARAKAT HINDU

i. DIALOG, PERJUMPAAN DAN KERJASAMA

PERKIM perlu mengadakan dialog, perjumpaan dan kerjasama dengan pelbagai pertubuhan dan masyarakat Hindu seperti Persatuan Hindu Malaysia, Persatuan Belia Hindu, Kelab Bell Belia Tamil, MIC dll. Berbagai program dan perkara yang melibatkan kepentingan bersama seperti gotong-royong,



Rukun Tetangga, kempen kesihatan, kem pendidikan, dll boleh dianjurkan bersama.

Sebagai permulaan PERKIM Kebangsaan harus memanfaatkan ‘jiran tetangganya’ MIC dengan menjalin perhubungan yang baik dengan mereka. **Perjumpaan tahunan (Annual Meeting)** di antara PERKIM dan MIC sepatutnya telah lama berjalan tetapi masih belum terlambat untuk memulakannya. Mereka perlu dijemput ke majlis sambutan Hari Raya, majlis berbuka puasa dan sebagai tetamu ke Mesyuarat Agong PERKIM sebagai satu langkah memperkenalkan Islam kepada mereka. Seterusnya ini akan membuka peluang yang lebih luas kepada PERKIM untuk mengadakan kerjasama dengan badan-badan atau NGO masyarakat India kerana hubungan dengan ‘boss’ sudah terjalin.

ii. **KEMPEN MENGHORMATI IBUBAPA**

PERKIM dan MIC dengan kerjasama Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan boleh menganjurkan kempen mengormati ibubapa hingga ke peringkat kebangsaan. Memandangkan ketaksuban masyarakat India terhadap ibubapa mereka adalah sangat tinggi, kempen bersama seumpama ini dapat mengikat jalinan serta rasa hormat mereka terhadap kita. Ciri-ciri menghormati ibubapa yang dianjurkan oleh Islam boleh diperkenalkan kepada mereka melalui kempen seumpama ini.

Pelekat kereta, peraduan serta iklan dapat menarik perhatian keseluruhan masyarakat terhadap kempen ini. Kerjasama media cetak dan elektronik amat perlu dalam menjayakan kempen ini. Apabila wakil PERKIM muncul di kaca TV bersama wakil MIC, ia akan memberi gambaran yang baik tentang perhubungan antara dua kaum ini. Tambahan pula sedikit sebanyak dapat mengurangkan prasangka buruk mereka terhadap kita.



iii. **FEISTA MAKANAN DAN FESYEN PAKAIAN INDIA**

Makanan dan pakaian masyarakat India telah lama mendapat tempat dihati masyarakat Malaysia. PERKIM boleh menganjurkan fiesta ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 dan menarik perhatian bukan sahaja di kalangan rakyat di negara ini malah boleh turut menarik perhatian para pelancong.

Dengan menganjurkan **FIESTA MAKANAN INDIA**, PERKIM boleh mempromosikan makanan halal yang boleh memenuhi citarasa masyarakat Malaysia. Ini akan membuka peluang untuk saudara baru berbangsa India untuk menceburi industri makanan iaitu dengan membuka restoran. Mereka bukan sahaja dapat menarik pelanggan beragama Islam malah boleh turut menarik masyarakat India.

Di samping itu, **MINGGU FESYEN PAKAIAN INDIA**, dapat menarik perhatian ramai masyarakat Malaysia. Ini sekali gus akan memberi gambaran positif kepada masyarakat India bahawa Islam tidak mengubah kebudayaan dan cara hidup sesuatu kaum secara total.

iv. **PROGRAM BERSAMA DI KAMPUS**

PERKIM boleh memanfaatkan Kelab PERKIM di IPTA dan IPTS untuk mengadakan program bersama mahasiswa keturunan India. Kelab PERKIM perlu proaktif dan menggambarkan ciri multi racial supaya dan menambat hati pelajar bukan Islam.

Antara program yang boleh dianjurkan bersama adalah program kemasyarakatan dan ziarah. Kelab PERKIM boleh membawa siswa/siswi dari masyarakat India untuk mengadakan program kemasyarakatan di kampung – kampung termasuk di kampung Orang Asli.



Kelab PERKIM perlu anjakan paradigma supaya jangan menganggap dakwah itu hanya di kampong Orang Asli sahaja malah dakwah harus menjangkau ke estet-estet di mana ramai masyarakat India tinggal di situ. PERKIM Kebangsaan membiayai banyak program bersama Kelab PERKIM di kampong Orang Asli manakala di penempatan masyarakat India atau saudara baru India agak terpinggir.

Aspek ini harus diberi perhatian supaya dakwah melalui Kelab PERKIM akan lebih seimbang dan akan membuka ruangan baru dan peluang untuk berdakwah kepada pelajar India di IPTA dan IPTS.

v. BAHAN BERCETAK DALAM BAHASA TAMIL

Oleh kerana majoriti masyarakat India di Malaysia bertutur di dalam bahasa Tamil, PERKIM perlu menerbitkan risalah tentang agama Islam dan permasalahan masyarakat Islam di dalam bahasa Tamil. Penerangan dan penyebaran maklumat Islam perlu dibanyakkan dalam bahasa ibunda bahasa Tamil supaya dapat menarik perhatian pembaca dari masyarakat ini. Majalah atau buletin PERKIM mesti terbitkan dan diedarkan dalam bahasa Tamil sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.

vi. SIARAN TELEVISION DAN RADIO

PERKIM perlu memohon kepada Kementerian Penerangan untuk memanjangkan masa siaran radio dan TV Islam dalam bahasa Tamil. Di samping itu, PERKIM perlu mencari peluang yang lebih luas kepada saudara baru India untuk muncul di kaca TV kerana ini akan menjadi tarikan kepada masyarakat India untuk mendengar dan menonton program tersebut.

PERKIM juga boleh menyelitkan rancangan-rancangan bercorak propaganda untuk menarik orang-orang Hindu kepada Islam. Misalnya bukti-bukti dari



kitab Hindu yang menolak penyembahan berhala serta bukti-bukti dalam kitab Hindu tentang kedatangan Nabi Muhammad s.a.w. Hubungan Sains dan Islam juga akan menarik perhatian mereka.

vi. SEMINAR SUMBANGAN MASYARAKAT INDIA TERHADAP ISLAM DI MALAYSIA

Selama ini sumbangan masyarakat India terhadap Islam di Malaysia telah terlepas pandang. Sudah sampai masanya untuk PERKIM menganjurkan satu Seminar mengenai sumbangan masyarakat India terhadap Islam di Malaysia dan di Asia Tenggara secara amnya. Satu perbincangan mengenai perkara tersebut perlu digerakkan oleh Jawatankuasa Dakwah dan Pendidikan dengan seberapa segera. Program ini juga boleh dianjurkan bersama Jabatan Pengajian India di IPT-IPT tempatan dan luar Negara.

7.0 KESIMPULAN

Semoga kerta kerja ini dapat membantu kita untuk mengenali kepercayaan dan kebudayaan orang-orang India di Malaysia. Di samping itu membuka jalan untuk berdakwah kepada mereka. Adalah menjadi harapan penulis agar kita dapat mengekalkan perpaduan dan keharmonian pelbagai kaum dan agama di Negara kita dan pada masa yang sama kita memperkenalkan budaya dan agama kita kepada mereka. Semoga perjumpaan kita ini dirahmati Allah s.w.t. Amin.